

U 8130 DEB  
MAHATHIR - TOKYO

KUALA LUMPUR, 17 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENAFIKAN LAPORAN AKHBAR BAHAWA BELIAU AKAN MELAWAT TOKYO BULAN DEPAN UNTUK BERBINCANG DENGAN PEMIMPIN JEPUN MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA EKORAN KENAIKAN NILAI YEN SEJAK AKHIR-AKHIR INI.

+DAKWAAN ITU TIDAKLAH BENAR,+ KATANYA KETIKA DITEMUI MENUTUP . MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

LAPORAN AKHBAR DI SINGAPURA MENGUTIP SUMBER DI SINI SEBAGAI BERKATA BAHAWA LAWATAN PERDANA MENTERI KE TOKYO JUGA UNTUK BERBINCANG MENGENAI ISU-ISU POLITIK DAN EKONOMI.

MENURUT LAPORAN ITU, TARIKH DAN AGENDA PERTEMUAN MASIH PADA PERINGKAT PERBINCANGAN.

BAGAIMANAPUN, PERBINCANGAN DIJANGKA TERTUMPU KEPADA SOAL KENAIKAN NILAI YEN DAN IMPORT NEGARA KETIGA KE PASARAN JEPUN DAN PERMINTAAN SUPAYA LEBIH BANYAK FIRMA JEPUN MELABUR DI NEGARA INI. -- LAGI

2324MST 17 05 86

U 8129 DEB  
MAHATHIR - TOKYO 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENERIMA PERMOHONAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) UNTUK MENYERTAI BARISAN NASIONAL SEMASA PENGUNDIAN PADA PILIHAN RAYA SABAH BERLANGSUNG.

PRESIDEN PBS DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN BERKATA PBS MENGEMUKAKAN PERMOHONAN ITU SECARA PERSENDIRIAN KEPADA PERDANA MENTERI SEBELUM PILIHAN RAYA.

MENGENAI URA-URA DATUK ISHAK TADIN AKAN DILANTIK SEBAGAI KETUA AUDIT NEGARA BARU, BELIAU BERKATA KERAJAAN MASIH BELUM MENETAPKANNYA.

KERAJAAAN MEMPUNYAI BEBERAPA NAMA TETAPI TIDAK PERLU DISEBUTKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PERLANTIKAN ITU PERLU DIPERKENANKAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG TERLEBIH DAHULU. -- BERNAMA  
2319MST 17 05 86